

# TMUA tingkat motivasi guru tahfiz hadapi cabaran pendidikan semasa

**MUAR 7 Sept.** - Bagi meningkatkan motivasi guru tahfiz menghadapi cabaran sistem pendidikan semasa, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Maahad Muar menganjurkan Kursus Profesionalisme Guru-Guru Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA), semalam.

Pengetuannya, **Hatina Yaakob** berkata, kursus itu bertujuan menambah pengetahuan guru tahfiz dalam mendidik dan membimbing pelajar selain memberi pendedahan kepada mereka tentang tanggungjawab dan etika kerja.

“Maahad Muar terpilih sebagai perintis Program TMUA di negeri ini bagi melahirkan cendekiawan atau ilmuan yang mantap dalam pelbagai bidang seperti sains dan teknologi serta mantap keimanan dan ketaqwaan.

“Peserta kursus dibimbing oleh Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian al-Quran dan As-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Khairul Anuar

Mohamad.

“Kursus ini juga dapat mewujudkan jaringan antara USIM dengan Maahad Muar, sekali gus mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan guru selain tanggungjawab mereka sebagai murabi ummah,” katanya.

Sementara itu, Penyelaras TMUA Maahad Muar, **Fakrul Azman Khairudin** berkata, program itu merupakan gabungan kurikulum kebangsaan, Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan program Ulul Albab yang berteraskan tiga komponen utama iaitu ‘Quranik’, ‘Ensaiklopedik’ dan ‘Ijtihadik’.

“Menerusi pendekatan Quranik, pelajar menghafaz 30 juzuk al-Quran serta memahami kandungannya, manakala pendekatan ‘Ensaiklopedik’ menyediakan kaedah asas kepada mereka menguasai pelbagai disiplin ilmu dan bahasa, berkemahiran tinggi dan mampu bertindak sebagai pakar rujuk pada masa depan.

“Pendekatan ‘Ijtihadik’ pula



**PESERTA** Kursus Profesionalisme Guru-Guru Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) bersama Khairul Anuar Mohamad (duduk dua dari kiri) di SMKA Maahad Muar, kelmarin.

menyediakan pelajar mampu memberikan pandangan dalam menyelesaikan masalah, memaksimumkan keupayaan berfikir

aras tinggi, kreatif dan inovatif,” katanya.

Justeru, beliau berharap, program TMUA mampu melahirkan

golongan profesional dan teknokrat yang mengamalkan ilmu berlandaskan ajaran al-Quran dan As-Sunnah.